

26/05/2002

Siti sedia hafal 30 lagu Sudirman

Zubir Mohd Yunus

PENYANYI nombor satu negara, Siti Nurhaliza Tarudin, khabarnya akan bertemu Perdana Menteri (PM) lagi. Kenapa? Adakah Siti akan mencetuskan kontroversi sekali lagi? Ikuti soal jawab ZUBIR MOHD YUNUS bersama Siti bagi mendapatkan cerita sebenar.- Gambar ZAHARIN HAYON

SITI diberi penghormatan oleh Istana Budaya (IB) dan EMI Malaysia untuk menjayakan Konsert Salam Terakhir Siti Nurhaliza Untukmu Sudir pada 30 Mei hingga 2 Jun ini. Tahniah! Tapi, adakah Siti fikir pemilihan itu benar-benar bertepatan dengan kredibiliti Siti kerana banyak lagi penyanyi veteran lain yang dikatakan lebih layak membuat persembahan tribute seperti itu?

Siti rasa bertuah kerana terpilih untuk menjayakan konsert berkenaan kerana Siti memang sudah lama berhasrat untuk menjayakannya. Dalam hal ini, tidak timbul soal pemilihan Siti tepat atau tidak kerana pihak Siti sendiri dan kebetulan EMI juga bercadang mengadakan konsert itu. Tujuan Siti dan EMI sama, maka IB menggabungkan kami untuk bekerjasama.

Sebagai penyanyi generasi baru, Siti rasa wajar untuk mengadakan konsert mengenang artis lama sama ada yang masih hidup atau yang sudah meninggal dunia. Siti ingin menghargai mereka dan ia satu tanggungjawab.

Siti sebelum ini pernah mengakui mengagumi Allahyarham Sudirman. Tambahan pula Sudirman juga orang Pahang, sama seperti Siti. Adakah kerana faktor itu, Siti rasa layak menjayakan konsert yang ditujukan khas kepada Allahyarham yang turut dikenali sebagai Penghibur No 1 Asia?

Banyak faktor yang membuatkan Siti mahu mengadakan konsert untuk Allahyarham Sudir. Faktor kami sekampung iaitu sama-sama orang Pahang mungkin secara kebetulan, tapi selepas Siti mengadakan segmen tribute kepada Sudir dalam konsert Siti yang pertama di Bukit Jalil pada 1999, ramai di kalangan peminat Siti yang mahu Siti mengadakan satu konsert khas untuk Allahyarham Sudir.

Selain itu, Siti memang pernah mengadakan persembahan khas mengenang Allahyarham Tan Sri P Ramlee di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) beberapa tahun dulu dan kali ini Siti ingin mengenang pula Penghibur No 1 Asia iaitu Allahyarham Sudir.

Saya difahamkan, dalam persembahan Siti nanti, akan diselitkan rakaman video temu bual eksklusif Siti bersama Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Benarkah begitu dan apakah intipati kata-kata beliau?